

APRIL 2022

FGV

CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

Ramadan Dihayati

Syawal Dirai



Maaf Zahir Dan Batin



CORETAN GCEO

GCEO'S JOTTINGS

Warga FGV sekalian,

Prestasi Syarikat 2021

Mengimbang kembali prestasi syarikat pada 2021, Kumpulan FGV telah berhadapan dengan pelbagai cabaran yang memberi kesan kepada operasi syarikat seperti kekurangan tenaga kerja, banjir besar sehinggalah kepada perintah kawalan pergerakan yang menyebabkan penutupan sesetengah operasi.

Bagi operasi Sektor Perladangan, yang merangkumi lebih 80% perniagaan Kumpulan, kita tidak berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dari segi pengeluaran tandaan buah segar, kadar perahan minyak dan jumlah minyak sawit mentah yang terjual.

Namun begitu, di kala syarikat-syarikat industri lain seperti pelancongan, penerbangan dan perhotelan menghadapi cabaran sengit sehingga banyak yang gulung tikar dan kehilangan pekerjaan, kita di industri perniagaan agri dan makanan telah mendapat rahmat kerana harga minyak sawit mentah telah meningkat disebabkan pengeluaran minyak-minyak sayuran yang menurun di sebalik permintaan yang tinggi.

Alhamdulillah, FGV telah merekodkan keuntungan yang lebih baik kerana harga sawit yang meningkat sejak tahun lepas. Namun hakikatnya, ia tidak boleh dikaitkan dengan prestasi syarikat secara keseluruhan kerana hampir semua sasaran produktiviti yang telah ditetapkan tidak dapat dicapai. Kesimpulannya, tidak semua keuntungan yang kita perolehi adalah berdasarkan pencapaian prestasi kita yang sebenar.

Pembayaran Bonus

Meskipun begitu, keuntungan yang telah diraih tetulah dikongsi bersama di antara pemegang saham, petugas dan juga simpanan untuk masa hadapan Kumpulan. Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk mengagihkannya sebaik mungkin. Seperti yang kita semua maklum FGV baru-baru ini telah pun mengagihkan dividen lapan sen sesaham kepada semua pemegang saham. Pembahagian ini tentulah memberi manfaat kepada FELDA yang memegang 82% saham FGV dan juga komuniti peneroka di seluruh negara.

Saya amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa, pada 30 Mac yang lalu, Lembaga Pengarah FGV Holdings Berhad telahpun meluluskan pembayaran bonus untuk tahun Kewangan 2021 kepada semua petugas Kumpulan yang layak, sebagai tanda penghargaan terhadap usaha dan komitmen petugas Kumpulan dalam menjalankan tugas, di sebalik cabaran dan musibah yang melanda di seluruh dunia.

Semua petugas Kumpulan yang layak akan menerima pembayaran bonus bergantung kepada prestasi

individu, prestasi syarikat masing-masing dan prestasi Kumpulan secara keseluruhan.

Lembaga Pengarah juga mengambil kira pengorbanan yang telah dibuat oleh pasukan barisan hadapan kita dan telah meluluskan pembayaran *ex-gratia* sebanyak RM1,000 seorang untuk semua petugas Eksekutif Kanan dan ke bawah yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk menghargai penat telah petugas yang terpaksa bertugas di lapangan atau di kilang-kilang walaupun di waktu PKP.

Sukacita saya maklumkan bahawa pembayaran bonus akan dibuat pada Jumaat bersamaan 8 April 2022, manakala pembayaran *ex-gratia* akan dibuat bersama gaji April 2022.

Saya berharap rezeki yang dikongsi ini akan membantu meringankan beban kewangan petugas dan menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih gigih untuk mencapai prestasi yang cemerlang pada masa yang akan datang.

Cabaran Mendarat

Dengan keadaan pasaran yang tidak menentu, kita seharusnya tidak memandang enteng dan berasa selesa kerana harga minyak sawit boleh turun pada bila-bila masa dan masih terdapat banyak risiko dan ketidakpastian yang boleh memberikan impak negatif kepada operasi Kumpulan.

Kita mesti berusaha dengan gigih untuk meletakkan Kumpulan FGV pada kedudukan kewangan yang lebih baik. Keputusan kewangan yang dicapai pada tahun lalu telah membolehkan kita untuk membayar hutang-hutang syarikat terutamanya kepada FELDA, memperkuatkan dan menambahbaik peralatan dan infrastruktur operasi.

Kita juga perlu bersedia untuk menyelesaikan isu Perintah Pelepasan Penahanan (WRO) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat. Ianya boleh mengakibatkan kos pemulihan dan perbelanjaan yang tinggi kepada syarikat di dalam usaha membatalkan WRO.

Oleh itu, FGV perlu menjadi syarikat yang kukuh dan berprestasi tinggi demi kesinambungan masa hadapan. Barulah petugas dan pihak berkepentingan boleh menikmati imbuhan yang setimpal. Saya ingin menyeru agar kita semua bersatu hati dan bekerja sebagai sebuah pasukan untuk mencapai cita-cita dan aspirasi syarikat. Bak kata pepatah, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Bagi pihak Pengurusan Kumpulan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua petugas Kumpulan FGV yang telah memberikan sumbangan dan

komitmen yang terbaik sepanjang tempoh perkhidmatan, terutamanya untuk tahun 2021.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua petugas Kumpulan yang beragama Islam. Di kala negara telah memulakan peralihan ke fasa endemik, kita sudah boleh melakukan aktiviti seperti mengimarahkan masjid untuk menunaikan ibadah Ramadan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita masih perlu berhati-hati dan mematuhi SOP demi keselamatan kita bersama.

Semoga Ramadan ini menjadi Ramadan yang lebih baik daripada tahun-tahun terdahulu dan menjadikan kita insan yang lebih bertaqwa.

Sekian, terima kasih.

Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

EDITORIAL

PENAUNG

Mohd Nazrul Izam Mansor

PENASIHAT

Vincent Chui Tee Suan

EDITOR

Dalilah Ibrahim

PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Ammirudin

PEREKA GRAFIK

Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Malaysia

fgvholdings.com

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

FGV Perkenal Produk Mesra Alam Dan Jimat Kos 'Weed Solut-ioN' Untuk Sektor Pertanian

FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS), telah memperkenalkan 'Weed Solut-ioN', produk kawalan rumpai mesra alam dan menjimatkan kos untuk sektor pertanian. Dirumus dengan 70% bahan bukan toksik, Weed Solut-ioN adalah bahan adjuvan yang boleh mengurangkan kadar penggunaan racun rumpai secara berkesan di samping meningkatkan kecekapan bahan tersebut, tanpa meninggalkan sebarang kesan fitotoksisiti pada tanaman.

Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, berkata Kumpulan komited untuk terus membangunkan inovasi dan teknologi yang mampan untuk digunakan dalam operasi perniagaannya. Dengan berbuat demikian, ia juga menyumbang kepada kemajuan industri.



Berita penuh: <https://bit.ly/3jF2mno>

Kerjasama FGV-BERNAS Hasilkan Beras Wangi Malaysia Bersama Petani Padi Tempatan



FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF), telah menandatangani Memorandum Kerjasama dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dalam langkah strategik mengukuhkan industri beras wangi negara.

FGV telah berjaya melaksanakan program pertanian kontrak FGVIF di bawah Program Beras Wangi *Fortified Field™* (3FR), yang mengoptimumkan penanaman beras wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian yang pintar dan berkesan. Program ini kini diperluas bersama-sama dengan BERNAS di lebih banyak lokasi di seluruh negara.

Berita penuh: <https://bit.ly/37dhqpl>

Produk Ladang'57 Keluaran FGV Kini Di MYDIN



Ladang'57, jenama premium FGV Holdings Berhad untuk produk tanaman kontannya kini boleh didapati di rangkaian cawangan MYDIN di seluruh negara.

Pengguna boleh mendapatkan hasil tempatan berkualiti premium di 62 cawangan MYDIN seperti nanas MD2, pisang Cavendish, jagung manis, kelapa pandan, jus MD2 dan potongan MD2. Produk bermusim lain akan turut dijual dari semasa ke semasa, termasuk mangga Chuping Harumanis yang bakal dipasarkan bermula April.

Produk Ladang'57 diperoleh terus dari ladang dengan kualiti dan rasa yang terbaik. Melalui FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF), FGV menjanjikan bekalan konsisten dan kualiti premium buah-buahan untuk pelanggan MYDIN.

Berita penuh: <https://bit.ly/36bGa0Q>

Kempen SAJI Raikan Bersama Khas Untuk Pelanggan Setia Produk DOP

Delima Oil Products Sdn. Bhd. (DOPSB) telah melancarkan kempen SAJI Raikan Bersama untuk menzahirkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada pelanggan setia produk DOPSB dan juga rakyat Malaysia secara amnya.

"Bersempena dengan bulan Ramadan ketika ini, Kempen SAJI Raikan Bersama adalah peluang terbaik untuk DOPSB menzahirkan penghargaan kepada pelanggan-pelanggan setia yang memberikan sokongan terhadap



produk-produk kami seperti SAJI, ADELA dan SERI PELANGI," kata Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Berita penuh:
<https://bit.ly/37gA0x3>

200 Pelajar CLC Sertai Bengkel Pemerdagangan Manusia Dan Eksplotasi



Lebih daripada 200 pelajar menengah daripada Pusat Pembelajaran Komuniti (*Community Learning Centres - CLC*) FGV menyertai Bengkel dalam talian pada 30 Mac mengenai Pemerdagangan Manusia dan Eksplotasi anjuran *Project Liber8*, satu organisasi bukan untung yang bertujuan meningkatkan kesedaran awam tentang isu pemerdagangan manusia dan eksplotasi. Bengkel tersebut merupakan sebahagian daripada projek *Advoc8 on the Road* (Edisi Sekolah Menengah) yang disokong oleh Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Children's Fund-UNICEF*) dan Kesatuan Eropah (*European Union*).

Pemerdagangan manusia adalah jenayah berat yang bukan sahaja mengancam kehidupan orang dewasa tetapi juga kanak-kanak. Kanak-kanak boleh menjadi mangsa pemerdagangan manusia yang memperdaya mereka dengan janji dan

pembohongan, dan akibatnya mereka terlibat dalam kerja yang merbahaya. FGV percaya bahawa kepentingan terbaik untuk kanak-kanak perlu diutamakan. Tambahan pula, amat penting bagi meningkatkan kesedaran kanak-kanak tentang jenayah-jenayah berkaitan pemerdagangan manusia supaya langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa.

Ketua FGV Plantations Malaysia (FGVPM) Zon Sabah, Datuk Md Yahaya, dalam ucapannya, menekankan komitmen FGV untuk menghormati hak asasi manusia termasuk hak kanak-kanak kepada pendidikan dan untuk dilindungi daripada pekerjaan merbahaya. Beliau juga menegaskan dasar FGV tentang larangan buruh kanak-kanak di keseluruhan operasi dan rantai bekalan FGV.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk dan mengembangkan potensi dan kemahiran kanak-kanak yang akan membantu mereka dalam kehidupan pada masa hadapan. Ini merupakan antara tujuan CLC FGV diwujudkan, iaitu bagi menyediakan pendidikan alternatif untuk kanak-kanak yang tidak berdaftar dalam sistem pendidikan formal. Pada masa ini, terdapat seramai 1,336 pelajar di 11 CLC FGV.

Selaras dengan ikrar FGV untuk membasi buruh kanak-kanak serta komitmen kita terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*), FGV akan meneruskan usahanya untuk membangunkan program bagi meningkatkan perlindungan dan pemerkasaan kanak-kanak di bawah penjagaannya.

Berani Untuk Berubah: SBTi Sebagai Piawaian Tindakan Iklim Yang Diperlukan Segera



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor menyampaikan ucapan bertajuk 'Berani untuk Berubah: SBTi Sebagai Piawaian Tindakan Iklim yang Diperlukan' di Simposium SBTi: Memudahkan Tindakan Segera di Taylor's Lakeside Campus, Subang Jaya.

Nazrul menegaskan sekali lagi komitmen baharu FGV terhadap tindakan iklim melalui penubuhan pelan transformasi tindakan iklimnya, yang menggabungkan komitmen terhadap sasaran berpandukan sains melalui SBTi sebagai kompas untuk

menetapkan sasaran dan metrik syarikat bagi pengurangan pelepasan karbon.

Komitmen terhadap sasaran berpandukan sains memerlukan FGV mengurangkan separuh pelepasan gas rumah hijaunya menjelang 2030 dan mencapai pelepasan sifar bersih selewat-lewatnya 2050. FGV juga perlu menetapkan sasaran jangka pendek dan sederhana untuk memastikan keberkesaan pengesanan pelepasan serta pengurangan karbon tahunan secara konsisten.

FGV Sokong Tangani Isu Buruh Paksa Dalam Industri Sawit Di Malaysia

FGV berpeluang mengambil bahagian dalam Rundingan Pihak Berkepentingan Mengenai Isu Buruh Paksa dalam Industri Perladangan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 10 Mac di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.

Sebagai salah seorang panel penceramah, Nurul Hasanah Ahamed Hassain Malim, Ketua Bahagian Kelestarian Kumpulan FGV berkongsi pengalaman dan pandangan FGV tentang usaha menangani isu berkaitan buruh paksa dalam industri minyak sawit di Malaysia. Beliau mengulangi komitmen FGV yang tidak berbelah bahagi untuk menghormati hak asasi manusia dan mematuhi piawaian buruh, dan FGV akan



berusaha gigih untuk memastikan semua 11 penunjuk Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai buruh paksa tidak

wujud dalam operasi dan rantai bekalan FGV.

EARTH HOUR

Sempena kempen '*Earth Hour*' 2022, FGV turut tidak ketinggalan untuk menutup lampu selama semaj pada 26 Mac. FGV percaya kempen '*Earth Hour*' adalah wadah penting untuk kita berganding bahu dalam meningkatkan kesedaran orang awam mengenai isu-isu yang melanda dunia khususnya isu perubahan iklim. Kesedaran mengenai perubahan iklim di kalangan orang awam adalah penting sebagai persediaan menghadapi impak negatif perubahan iklim yang kian melanda.


Pada tahun 2021, FGV telah menyatakan komitmennya terhadap sasaran berpandukan

sains atau '*science-based targets*' (SBT) sebagai panduan dan rangka utama kaedah pengurangan pelepasan karbon. SBT adalah rangka pengurangan pelepasan karbon berpandukan sains perubahan iklim terkini yang bertujuan menyokong sasaran dunia untuk mengehadkan peningkatan suhu global di paras 1.5°C. FGV juga adalah syarikat perladangan dan pengeluar makanan pertama di Malaysia yang menyatakan komitmen terhadap SBT. Usaha FGV untuk mendokong komitmen syarikat terhadap perubahan iklim adalah berpandukan Pelan Perubahan Iklim FGV yang merangkumi enam fokus utama – Tadbir Urus

Perubahan Iklim, Pengurusan Karbon, Pengurusan Bahan Buangan, Pengurusan Air, Kecekapan Operasi, dan Kesedaran Perubahan Iklim.

Tahun ini, FGV menutup lampu sebagai tanda komitmen kami untuk terus menyumbang kepada kelangsungan masa hadapan manusia sejagat. FGV terus komited untuk melaksanakan tanggungjawab kami dalam mengekang dan menghadapi impak negatif perubahan iklim. Ayuh terus bersama.

#MembinaMasaHadapan untuk melindungi bumi kita yang satu.



FGVIF & GOGOPASAR Berbuka Puasa Bersama Anak Yatim Sempena Kunjungan Dato' Nonee

FGV Integrated Farming (FGVIF) & FGV Agro Fresh Technology (GOGOPASAR) menyantuni anak-anak yatim Maahad Tahfiz Al-Quban Al-Ahmad dalam majlis berbuka puasa yang julung kali dianjurkan pada 7 April. Majlis diadakan bersempena dengan lawatan rasmi ahli lembaga pengarah FGV, Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi ke cawangan FGVIF Selayang selain meraikan kakitangan mereka.

Agenda lawatan rasmi ini merangkumi taklimat ringkas mengenai perkembangan terkini FGVIF dan GOGOPASAR. Turut diadakan lawatan ringkas untuk melihat fasiliti kedua-dua syarikat,



antaranya gudang dan fasiliti bilik sejuk, *Maison Cafe, the Marche'* dan sekitar pejabat.

Ini merupakan acara pertama yang menghimpunkan kesemua kakitangan FGVIF setelah

penubuhannya pada tahun 2019.

Semoga penganjuran majlis seperti ini, dapat merapatkan lagi hubungan antara kakitangan FGVIF serta anak syarikatnya.

Indahnya Khilaf Ulama

"Betul ke khilaf ulama tu satu keindahan, ustaz?"

Sedangkan Al-Quran cuma satu, Nabi Muhammad SAW juga hanya seorang, Allah jua Maha Esa tidak berdua jangankan lebih. Tetapi kenapa aliran mazhab dalam urusan fiqah lebih daripada satu? Jawabnya, kerana wujudnya kepelbagaiannya masalah yang tiada di zaman Baginda SAW, pertembungan budaya natijah daripada usaha perluasan kuasa Islam, faktor geopolitik serta desakan terhadap keperluan kaedah yang baharu dalam mendepani tsunami serangan pemikiran dan akidah maka secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi pemahaman teks syariat.

Untuk perkara yang sudah tetap seumpama kefardhuan solat, puasa dan zakat misalnya, maka para ilmuwan tidak berselisih kefahaman dalam usaha menerbitkan hukum daripada sumber syariat. Walau bagaimanapun, apabila difokuskan perbincangan dengan lebih mendalam, maka para ulama mempunyai kaedah dan metodologi tersendiri dalam mengeluarkan hukum fiqah. Zakat misalnya, ijmak ulama mengatakan bahawa zakat hukumnya wajib. Namun, apabila diperincikan seperti jenis harta yang dizakatkan untuk zakat fitrah misalnya, maka para ulama khilaf dalam perbahasan fiqah.

Bagi jumhur ulama, zakat fitrah wajib dibayar menggunakan ain

makanan asasi di tempat tersebut. Termasuklah mazhab Syafii sendiri, wajib zakat fitrah itu ditunaikan menggunakan beras, bukan senilai beras dalam bentuk wang. Namun, ulama Hanafiyyah mengharuskan pembayaran zakat menggunakan wang senilai dengan berat makanan asasi. Persoalannya, apakah hikmah di sebalik khilaf ini?



Untuk yang membayar menggunakan ain zakat, maka sang penerima akan dapat makanan untuk dimakan. Hikmahnya, tiadalah makanan itu dapat disalah guna tujuannya melainkan hanya untuk dimakan satu keluarga. Maka jika diberi zakat dalam bentuk nilai wang, dikhuatir jika sang penerima yang menerima zakat bagi pihak keluarganya itu adalah seorang yang zalim lalu disalah gunanya wang zakat yang pada asalnya untuk mengenyangkan perut seisi keluarganya, tetapi dibelinya barang-barang yang tidak berkepentingan seperti rokok ataupun permainan. Hal ini kerana, zakat dalam bentuk wang boleh ditukar kepada pelbagai jenis barang. Lalu, mazhab Syafii tidak mengharuskan zakat dalam bentuk wang seolah-olah untuk mengurangkan risiko penyelewengan zakat. Sesuai dengan kaedah, menolak mudarat lebih utama berbanding meraih kepentingan maslahat. Awas,

tidak sesekali penulis katakan bahawa penerima zakat itu zalim-zalim belaka. Hanya penulis tekankan, zalim ini tidak mengira kaya maupun miskin.

Adapun mazhab Hanafiyyah dan qaul dhaif dalam mazhab Syafiiyah yang mengharuskan zakat dibayar menggunakan nilai wang bagi menggantikan ain zakat merupakan pilihan kaedah pembayaran yang digunakan oleh negeri-negeri di Malaysia. Marcapada dunia sekarang yang lebih memerlukan wang untuk keperluan hidup, maka pendapat ini lebih memenuhi maslahat umat Islam di Malaysia. Kita lihat, betapa jauhnya pandangan ulama dalam mazhab Hanafiyyah dan juga sebahagian kecil ulama Syafiiyyah dalam mengeluarkan qaul berkaitan kaedah pembayaran zakat menggunakan wang senilai ain zakat ini.

Nah, inilah keindahan khilafiah mazhab dalam Islam. Bermazhab bukanlah taasub kepada guru sebagaimana dakwaan dangkal sesetengah pihak. Mazhab merupakan aliran metodologi yang kesemuanya berpaksikan al-Quran dan sunnah. Bahkan diperkuuhkan lagi dengan qias dan ijmak. Wallahu a'lam.

Disediakan oleh:
*Ust Muhamat Faizal Marjani
as-Sarawaqi (Calon Phd Fiqh & Usul)
Pengurus Bahagian Keahlian
WAQAF FELDA*



Sepanjang bulan Ramadan ini, Taska Wisma FGV mengadakan aktiviti kelas mengaji untuk anak-anak petugas FGV berusia empat tahun untuk memberikan pendedahan bacaan surah-surah lazim kepada mereka.



Karnival Ambang Ramadan anjuran Persatuan Suri Felda diadakan di Wisma FGV pada 31 Mac sehingga 1 April. Pelbagai gerai jualan termasuk makanan, produk keluaran FGV, pakaian, aksesori wanita dan pelbagai lagi.

PROGRAM IHYA' RAMADAN



Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil yang dihadiri oleh petugas-petugas Kilang Sawit Selancar 2A.




Petugas-petugas Pontian United Plantation (PUP) bersama-sama ahli keluarga berbuka puasa dan bertarawih di Surau Nurul Muttaqqin, Lahad Datu.

Aktiviti pengisian kerohanian diteruskan lagi pada tahun ini di mana seramai 124 petugas FGV yang dibahagikan kepada 15 kumpulan menyertai program Tadarus Al-Quran anjuran Surau Al-Muhajirin, Wisma FGV. Bacaan tadarus diadakan pada setiap Selasa dan Khamis sepanjang bulan Ramadan ini.

Istimewanya Ramadan Dan Aidilfitri Tahun Ini


Istimewanya Ramadan dan Aidilfitri kali ini membuatkan kita sedar betapa berertynya talian sebuah persahabatan dan kekeluargaan yang mana ada ramai di antara kita yang tidak dapat menikmatinya untuk dua tahun berturut-turut. Moga dengan dapatnya kita bersatu semula di Ramadan dan Aidilfitri tahun ini akan menjadikan kita insan yang lebih menghargai peluang dan masa yang kita ada dengan orang tersayang.

Izzati Maria Othman
Group Legal, FGV Holdings



Semenjak pandemik melanda dunia, Allah telah menjentik hati saya bahawa selama ini Ramadan yang dilalui tidak dimanfaatkan sebaiknya. Semoga amalan berpuasa tahun ini memberi 1001 kenikmatan untuk dihargai. Tahun 2022 adalah Hari Raya Aidilfitri yang paling saya nantikan seumur hidup sebab saya nak sangat menziarahi sanak sedara mengikut norma baharu yang selama ini saya sudah lama tidak menziarahi. Terfikir saya sejenak, COVID-19 banyak mengambil nyawa keluarga terdekat, bilakah kali terakhir saya menziarahi mereka?

Nurain Md Gaush
Group Strategy, FGV Holdings



"Marhaban Ya Ramadan". Setelah dua tahun dunia dilanda pandemik COVID-19, tentunya Ramadan kali ini memberi seribu makna bagi rakyat Malaysia. Bagi saya, kemeriahan Ramadan dan Aidilfitri sangat dirasai terutamanya apabila dapat berbuka puasa dan beraya bersama keluarga tercinta. Keterujaan menyambut Aidilfitri di kampung halaman kali ini betul-betul bermakna kerana tahun ini kali pertama saya beraya sebagai ibu kepada tiga orang anak.

Nur Diyana Abd Rashid
FGV Trading

Bagi saya sambutan Ramadan tahun ini lebih bermakna kerana akhirnya dapat juga berkunjung ke bazar Ramadan setelah dua tahun tanpa juadah kegemaran untuk berbuka seperti murtabak, kuih-muih dan banyak lagi. Penantian itu suatu penyeksaan apabila melibatkan makanan. Selain itu, kemeriahan sambutan Ramadan lebih dirasai kerana boleh menunaikan ibadah tarawih di masjid bersama keluarga. Semoga Ramadan dan Syawal kali ini membawa seribu keberkatan dan rahmat kepada kita semua.

Nur Affifah Baharim
Group Strategic Communication,
FGV Holdings

MENANGI HADIAH BERJUMLAH SEHINGGA

RM 150,000

02 APRIL - 27 MEI 2022

HADIAH PERTAMA 3X RM 10,000

HADIAH KEDUA 4X RM 5,000

HADIAH KETIGA 10X RM 2,000

HADIAH HARIAN BERJUMLAH SEHINGGA RM 80,000

Jom Menang!

Beli **Hantar** **Menang**

Beli produk keluaran FGV terpilih, bernilai RM 25 dan ke atas

Muat naik bukti pembelian dan hantarkan ke www.sajiraikanbersama.com

Anda berpeluang memenangi hadiah wang tunai dan PIN Tambah Nilai Touch In Go eWallet

Touch In Go eWallet

Tertakluk kepada termasuk syarat. Untuk maklumat lanjut layari www.sajiraikanbersama.com

2 Resipi Biskut Raya Popular Sepanjang Zaman

BISKUT MAZOLA

Bahan-bahan:

- 185gm tepung gandum | diayak
- 60gm tepung gandum | diayak
- 140gm gula halus
- 125gm kacang tumbuk
- 1 sudu teh esen vanilla
- Minyak Mazola secukupnya

Bahan hiasan:

- Kacang tumbuk kasar secukupnya
- Kuning telur untuk sapuan

Cara memasak:

1. Campurkan kesemua bahan kecuali minyak. Gaul sehingga sebatи.
2. Kemudian masukkan minyak Mazola sedikit demi sedikit sambil diuli sehingga menjadi doh yang boleh dikepal.
3. Ambil doh yang siap diuli tadi dan bentukkan menjadi bentuk bulat.
4. Letakkan doh di atas dulang pembakar dan sapukan kuning telur di bahagian atasnya. Taburkan juga kacang tumbuk dengan secukupnya.
5. Bakar biskut tadi selama 20 minit pada suhu 180°C.
6. Angkat dan sejukkan seketika sebelum disimpan ke dalam bekas kedap udara.



BISKUT SEMPERIT

Bahan-bahan:

- 185gm gula
- 375gm mentega
- 60gm tepung kastad | diayak
- 60gm tepung jagung | diayak
- 375gm tepun gandum | diayak
- 1 sudu makan esen vanilla
- 1 biji kuning telur
- Ceri merah secukupnya | dipotong kecil

Cara memasak:

1. Pukul mentega bersama gula hingga sebatи.
2. Kemudian masukkan kuning telur bersama esen vanilla. Teruskan memukul sehingga kembang.
3. Masukkan kesemua tepung yang telah diayak sedikit demi sedikit dan uli sehingga menjadi doh yang lembut dan tidak melekat di tangan.
4. Masukkan doh ke dalam acuan samprit dan terapkan di atasloyang pembakar yang telah disapu sedikit mentega. Hiaskan dengan ceri merah.
5. Bakar dalam ketuhar yang telah dipanaskan pada suhu 150°C selama 10 minit.
6. Biarkan biskut sejuk seketika dan sedia untuk dinikmati.



Kuiz Wanita Hebat Malaysia Yang Terkenal Di Persada Antarabangsa

1. Penerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Pembangunan Sumber Manusia (HRD) Asia 2019 sebagai seorang tokoh yang menjadi sumber inspirasi kepada golongan wanita, termasuk sebagai salah seorang doktor wanita Melayu pertama di negara ini.
Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali
2. Pernah dipilih sebagai Ketua Bank Pusat Terbaik Dunia oleh majalah Global Finance kerana kejayaan beliau dalam mengawal inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.
Tan Sri Datin Paduka Dr. Ungku Zeti Akhtar Ungku Abdul Aziz
3. Pengasas MERCY Malaysia dan merupakan warganegara Malaysia pertama dinobatkan sebagai pemenang bagi ASEAN Prize 2019.
Tan Sri Dr Jemilah Mahmood
4. Senator wanita pertama di Malaysia.
Tan Sri Datin Paduka Seri Dr Aishah Ghani
5. Mendapat jolokan nama 'Suara Asia' dan 'Celine Dion Asia'.
Dato' Seri Siti Nurhaliza
6. Pernah bergandingan dengan Jackie Chan dalam pengambaran seni mempertahankan diri pada tahun 1984.
Tan Sri Michelle Yeoh
7. Pakar astrofizik wanita pertama Malaysia.
Emerita Professor Tan Sri Dr Mazlan Othman
8. Wanita Asia pertama yang menduduki tangga pertama dunia dalam sukan skuasy wanita.
Datuk Nicol Ann David
9. Antara 10 doktor pakar pelatih surgikal terbaik United Kingdom (UK).
Dr Amalina Bakri
10. Wanita pertama yang menjelajah dunia dengan motosikal.
Anita Yusof

10

PEMENANG

Amirah Aisyah Taib (FGVH)
amirah.t@fgvholdings.com

Ahmad Maheer Ismail (FGV Capital)
maheer.i@fgvholdings.com

Mohamad Zaidi Mohd Radzi (FGVH)
zaidi.mr@fgvholdings.com

Nurul Izzati (FJB)
n.izzati@fbj.com.my

Nur Nabilah Hamid (FGV Capital)
nabilah.hamid@fgvholdings.com

Nurul Izzaty Mohd Ariff (FGVH)
nurulizzaty.ma@fgvholdings.com

Nur Nabihah Mat Som (FGVH)
nabihah.ms@fgvholdings.com

Nurin Jamalul (FGVAS)
nurin.j@fgvholdings.com

Iyliana Hiylda Fitri Haron (FGVH)
iyliana.h@fgvholdings.com

Munirah Mokhtar (FGVJB)
munirah.m@fgvholdings.com

Pemenang pertandingan akan dihubungi oleh Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan

Ucapan Bergambar Ramadan Ria Raya

Semarakkan hubungan silaturahim sesama petugas FGV di bulan yang mulia ini dengan menghantarkan ucapan Ramadan mahu pun sempena Aidilfitri yang akan menjelang serta gambar kepada kenalan anda di FGV.



Sila hantarkan ucapan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com ataupun WhatsApp ke 019-200 4600 sebelum 30 April 2022

